

# Papan tanda Jalan Qinzhou sudah lama dipasang

SINAR HARIAN 2/2/2018

KUANTAN - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) sudah menaikkan papan tanda bagi nama Jalan Qinzhou, di Taman Perindustrian Malaysia - China Kuantan (MCKIP), Gebeng di sini sejak setahun lalu.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK, Izad Zainal Muhammad Safian berkata, malah nama bandar Kuantan akan turut tercatat di sebuah jalan di Qinzhou, China selepas persetujuan bersama diadakan bagi program Bandaraya Persahabatan antara MPK dan Datuk Bandar Qinzhou, dua tahun lalu.

Menurutnya, papan tanda tersebut akan dinaikkan selepas kunjungan rasmi pihak MPK ke Qinzhou, China dan ia

juga salah satu cara untuk menarik lebih ramai pelabur dari negara itu, sekali gus mempromosikan Kuantan sebagai destinasi pelancongan terkemuka di Malaysia.

"Persetujuan ini dicapai kedua-dua pihak menerusi kerjasama Program Bandaraya Persahabatan. Pada ketika itu, Datuk Zulkifli Yaacob adalah Yang Dipertua MPK.

"Saya difahamkan mereka setuju menamakan satu jalan sebagai Kuantan Street di bandar itu



IZAD

(Qinzhou, China) dan kita juga akan melakukan perkara sama sebagai tanda persahabatan," katanya.

Semalam, sekeping gambar papan tanda nama Jalan Qinzhou dimuat naik oleh pemilik akaun dan tular di laman sosial Facebook.

Menyentuh perkara itu, Izad berkata, papan tanda nama jalan itu bukan sesuatu yang baharu, sebaliknya sudah lama dinaikkan di MCKIP semasa kunjungan rasmi dari Qinzhou, China.